

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 29 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENEMUAN OPERASI BANCI EKONOMI 2023

**Pelaksanaan operasi Banci Ekonomi 2023 selesai,
1.2 juta pertubuhan telah dibanci dengan 39.5 peratus pertubuhan aktif di
Selangor dan Wilayah Persekutuan**

PUTRAJAYA, 29 DISEMBER 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengumumkan penutupan pelaksanaan operasi Banci Ekonomi 2023 (bagi tahun rujukan 2022) selepas pembancian dilaksanakan di seluruh negara sejak April 2023 lalu. Banci ini, yang berakhir pada 20 Disember 2023, telah melibatkan 1.2 juta pertubuhan di Malaysia. Banci pada kali ini meliputi kesemua sektor ekonomi termasuk Perkhidmatan, Pembuatan, Pertanian, Pembinaan, dan Perlombongan & pengkuarian. Berdasarkan penemuan operasi Banci Ekonomi 2023, sebanyak 1,089,630 atau 86.6 peratus pertubuhan aktif beroperasi, 4.9 peratus pertubuhan telah ditutup dan 8.5 peratus pertubuhan tidak beroperasi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Daripada 1,089,630 pertubuhan yang aktif pada 2022, sektor Perkhidmatan merekodkan 949,360 pertubuhan atau 87.1 peratus. Ini diikuti sektor Pembinaan sebanyak

71,165 pertubuhan (6.5%), sektor Pembuatan 54,484 pertubuhan (5.0%), sektor Pertanian 13,271 pertubuhan (1.2%) dan sektor Perlombongan & pengkuarian 1,350 pertubuhan (0.1%).”

Ketua Perangkawan turut menambah, "Bagi sektor Perkhidmatan, subsektor Perdagangan borong dan runcit merekodkan peratusan tertinggi iaitu 47.0 peratus, diikuti subsektor Makanan dan minuman (14.4%) dan subsektor Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti (6.8%)."

Sektor Pembinaan menunjukkan bahawa Aktiviti pertukangan khas merupakan penyumbang utama dengan 36.5 peratus, diikuti Kejuruteraan awam (22.7%) dan Bangunan bukan kediaman (22.4%).

Sementara itu, bagi sektor Pembuatan, subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka menyumbang peratusan tertinggi dengan 19.0 peratus, diikuti Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (17.9%) dan Produk makanan (17.0%).

Bagi sektor Pertanian, subsektor Tanaman adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 69.8 peratus, diikuti Ternakan yang menyumbang 15.1 peratus dan Perikanan (10.0%).

Manakala bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, subsektor Perlombongan mineral & pengkuarian adalah penyumbang terbanyak dengan 81.2 peratus, diikuti Petroleum dan gas asli (18.8%).

Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa negeri yang mempunyai peratusan pertubuhan aktif tertinggi ialah Selangor yang mencatatkan 25.3 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (13.8%) dan Johor (11.4%).

Dari segi pertubuhan perniagaan yang ditutup, sektor Perkhidmatan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 88.3 peratus daripada 61,165 pertubuhan. Ini diikuti oleh sektor Pembinaan dengan 5.3 peratus, sektor Pembuatan 5.0 peratus, sektor Pertanian 0.8 peratus dan sektor Perlombongan & pengkuarian 0.5 peratus. Pengenaan sekatan sosial dan ekonomi di seluruh negara pada 2020 dan 2021 akibat pandemik COVID-19 telah menjejaskan ekonomi dan mendorong penutupan aktiviti perniagaan khususnya pertubuhan bersaiz mikro dan kecil.

Penemuan yang lebih terperinci dari Banci Ekonomi 2023 dijadualkan akan dikeluarkan pada penghujung Mac 2024. Laporan dari pelbagai peringkat analisis yang diperoleh daripada banci ini dijadualkan menyusul, untuk memberikan analisis terperinci kepada pengguna.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 DISEMBER 2023

Paparan 1: Pertubuhan Aktif Mengikut Sektor 2022



■ Pertanian ■ Perlombongan & Pengkuarian ■ Pembuatan ■ Pembinaan ■ Perkhidmatan

Paparan 2: Pertubuhan Aktif Mengikut Negeri, Malaysia 2022



Nota: Wilayah Persekutuan meliputi W.P Kuala Lumpur, W.P Labuan dan W.P Putrajaya

Paparan 3: Pertubuhan Tutup Mengikut Sektor 2022

